



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## 15 INDIVIDU DITAHAN TERLIBAT PENYELEWENGAN MINYAK MASAK BERSUBSIDI DI SELANGOR

**PUTRAJAYA, 14 NOVEMBER 2024** – Hari ini saya menghadiri Sesi Taklimat Khas OPS TIRIS 3.0 oleh Bahagian Penguat Kuasa (BPGK), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN). Taklimat ini memfokuskan kepada tindakan memperkukuhkan operasi membanteras isu ketirisan minyak masak paket bersubsidi melalui inisiatif KITA GEMPUR (Gerakan Membanteras Manipulasi dan Ketirisan) dengan strategi memperkasa kerjasama agensi kerajaan, pemain industri, partisipasi awam dan pematuhan tatakelola.

Salah satu komponen penting dalam memastikan keberkesanan KITA GEMPUR termasuk memerangi ketirisan minyak masak paket bersubsidi adalah partisipasi awam melalui aduan dan penyaluran maklumat aktiviti yang disyaki terlibat dalam penyelewengan dan penyeludupan. KPDN amat menghargai partisipasi awam sebagaimana kejayaan menumpaskan satu sindiket di Selangor yang terhasil melalui aduan awam.

Pada 12 November 2024, melalui aduan awam yang disusuli dengan tindakan risikan, KPDN telah melaksanakan serbuan di bawah OPS TIRIS 3.0 yang melibatkan dua premis berasingan, iaitu di sebuah rumah kediaman di Taman Kajang Jaya dan sebuah premis perniagaan di Bandar Rinching.

Pasukan serbuan telah menyerbu lokasi pertama, iaitu sebuah rumah kediaman yang disyaki telah dijadikan sebagai stor haram untuk menjalankan kegiatan memotong minyak masak paket 1 kg bersubsidi, sebelum dikumpulkan dan dihantar ke premis yang membeli dan menjual minyak masak terpakai di Semenyih, Selangor. Bekalan minyak masak bersubsidi itu dipercayai diperolehi daripada pemborong di Lembah Klang dan beberapa lokasi lain yang sedang dikenal pasti.

Hasil daripada serbuan pertama telah membawa kepada serbuan kedua yang dilakukan ke atas sebuah premis perniagaan yang menjalankan aktiviti menjual dan membeli minyak masak terpakai. Premis tersebut disyaki berselindung di sebalik perniagaan membeli dan menjual minyak masak terpakai, dengan menjadikan premis terbabit sebagai tempat pengumpulan dan pengedaran minyak masak tanpa lesen yang sah di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122].

Hasil serbuan yang dilakukan ke atas kedua-dua premis itu telah menemukan anggaran sejumlah 14,340 kg minyak masak bersubsidi pelbagai jenama, dalam keadaan telah dipotong bungkusan dan dikumpulkan di dalam tangki jenis *Intermediate Bulk Container* (IBC). Selain itu, sebahagian yang lain masih dalam kotak yang belum dibuka. Serbuan juga menemukan beberapa peralatan lain yang digunakan untuk melakukan kegiatan haram ini seperti hos penyambung, pam bermotor, telefon bimbit dan beberapa buah tangki IBC.

Pasukan serbuan telah bertindak menyita kesemua minyak masak terbabit termasuk peralatan yang digunakan, tiga buah lori, sebuah kereta dan beberapa dokumen perniagaan yang berkaitan dengan nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM429,850.00.

Secara keseluruhannya, seramai 15 individu telah ditahan bagi membantu siasatan di kedua-dua lokasi serbuan itu, iaitu masing-masing 11 orang lelaki bukan warganegara, berumur lingkungan 25 hingga 45 tahun di lokasi serbuan pertama. Manakala di lokasi kedua, 4 orang lelaki warganegara berumur lingkungan 28 hingga 36 tahun. Mahkamah Majistret Kajang telah meluluskan permohonan reman bagi kesemua yang ditahan itu selama empat (4) hari bermula 13 November 2024 hingga 16 November 2024.

Kertas siasatan telah dibuka dan siasatan lanjut ke atas kes ini sedang dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122] bagi mengenal pasti mana-mana individu/syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti haram ini serta rangkaian pengedaran minyak masak terbabit.

KPDN akan mengambil tindakan tegas termasuk tindakan penggantungan dan pembatalan lesen ke atas mana-mana individu/syarikat sekiranya didapati melakukan kesalahan sehingga menyebabkan ketirisan minyak masak tersebut.

Mana-mana orang yang melakukan kesalahan boleh diambil tindakan di bawah Akta 122 dan jika disabitkan boleh didenda tidak lebih RM1 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM3 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala sekiranya sabit kesalahan, syarikat terlibat boleh didenda tidak melebihi RM2 juta, manakala bagi kesalahan berikutnya tidak melebihi RM5 juta.

Selain itu, syarikat ini juga akan disiasat di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) [Akta 613], iaitu kesalahan pengubahan wang haram bagi tujuan mengesan, membeku, menyita serta sehingga ke peringkat perlucutan hak ke atas apa-apa hasil pendapatan atau harta yang dijana daripada aktiviti haram penyelewengan berkaitan minyak masak.

Jika disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta 613 ini boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun dan juga boleh didenda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta yang mana yang lebih tinggi.

Hasil tindakan kes ini juga adalah sebahagian daripada inisiatif KITA GEMPUR yang telah dilancarkan oleh KPDN dalam usaha untuk membanteras isu manipulasi dalam aktiviti perniagaan dan ketirisan yang melibatkan barang kawalan dan barang kawalan bersubsidi.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**